

Mahathir— temui rakan kelas

BH 20 AUG 1993
1947

KUCHING, Isnin — Jamuan makan malam di dewan jamuan Bangunan Dewan Undangan Negeri di sini malam Jumaat ini akan menemu-kan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan-rakan 'kelas 1947'nya dari Kolej Perubatan King Edward.

Menurut penganjur jamuan itu, Datuk Dr Wong Soon Kai, yang juga Menteri Kemajuan Infrastruktur Sarawak, jamuan tahun ini, yang pertama kali diadakan di negeri ini, dianjurkan sempena lawatan lima hari Perdana Menteri ke sini mulai esok.

Jamuan itu akan dihadiri oleh kira-kira 40 siswazah kelas itu dan isteri masing-masing dari Australia, Singapura dan Malaysia, termasuk Dr Lee Ching Tuan, seorang doktor terkenal di Sydney, Dr J J Murugesu, seorang doktor bedah di Singapura dan Dr Rasayanagam, seorang doktor persendirian yang terkemuka di Singapura.

Yang Dipertua Negeri, Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Adruce Mohamad Noor dan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, akan menjadi tetamu kehormat majlis jamuan makam malam itu.

Rasmi

Datuk Seri Dr Mahathir akan dipandu oleh Datuk Patinggi Taib dalam kereta nasional, Proton Saga, yang akan dipamerkan di sini selama dua hari, ke istana sebak sahaja beliau tiba di sini pagi esok.

Mereka akan diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah dan Datin Patinggi Laila, dalam perjalanan sejauh 21.8 kilometer itu.

Perdana Menteri akan merasmikan khemah kerja Pemuda Barisan Nasional dan projek hidro yang menelan belanja berjuta ringgit, kedua-duanya di Batang Ai dalam Bahagian Kedua, kira-kira 200 kilometer dari sini pagi Rabu sebelum merasmikan pelancaran lori di kilang pemasangan industri motor Sarawak di Bintawa di sini.

Pada hari ketiga, Datuk Seri Dr Mahathir akan merasmikan Wisma Saberkas berharga \$70 juta di Green Road, di sini.

Perdana Menteri dan rombongannya akan berlepas pulang Sabtu ini.